

SEMINAR KEBANGSAAN KURSUS SOKONGAN KEJURUTERAAN



Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan KUKUM telahpun berjaya menganjurkan Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan bertempat di Aseania Resort Langkawi pada 17 & 18 Disember 2005. Seminar yang dianjurkan selama 2 hari ini bertemakan "Kejuruteraan & Cabaran Profesionalisme Dalam Era Globalisasi".

Antara objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk membincangkan kepentingan kursus sokongan dalam konteks kemajuan kerjaya, memberi pendedahan terhadap kepentingan kursus sokongan dari perspektif pengalaman daripada industri dan bukan industri dan juga membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan peranan kursus sokongan dalam kehidupan individu, masyarakat dan organisasi.

Seminar ini dihadiri oleh sekitar 100 peserta terdiri daripada pensyarah-pensyarah daripada KUKUM sendiri, pensyarah-pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awan (IPTA) dan pensyarah dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Topik-topik perbincangan di seminar ini merangkumi topik-topik yang memberi kepentingan dari segi pengalaman manusia dan budaya yang sangat meluas termasuklah gelagat individu, sosial dan struktur politik, nilai estatika, kedinamikan komunikasi, falsafah, pemikiran etika dan proses kognitif. Kursus-kursus atau topik-topik sedemikian sebenarnya adalah pelengkap kepada kursus teknikal dan profesional yang diikuti oleh pelajar-pelajar kejuruteraan dan ini secara tidak langsung membolehkan pelajar kejuruteraan menghargai alam persekitaran dunia kerja dan kehidupan yang sebenar serta dapat menyumbang kepada ahli masyarakat sebagai ahli profesional yang kompeten. Kursus-kursus sokongan juga sebenarnya menyediakan rangka kerja pemikiran yang rasional, dan kritikal yang dapat membantu proses pembuatan keputusan apabila berhadapan dengan sesuatu isu yang subjektif.

Seminar yang julung-julung kali diadakan ini turut diserikan dengan kehadiran pembentang-pembentang utama yang terdiri daripada Professor Dr. Hassan Basri iaitu Dekan Fakulti Kejuruteraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Professor Dr. Baharom Sanugi iaitu Dekan Fakulti Sains Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Professor Dr. Juhary Haji Ali merangkap Pengarah Pusat Pembangunan Eksekutif Universiti Utara Malaysia (UUM).

Seminar sebegini sebenarnya telah berjaya meningkatkan imej KUKUM sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di peringkat kebangsaan dan telah membuka ruang pendedahan tentang kepentingan kursus sokongan terhadap pelajar kejuruteraan dalam meningkatkan kredibiliti dan keterampilan mereka dalam kerjaya. Seminar ini juga amat penting bagi melahirkan pelajar-pelajar yang lebih inovatif dan progresif terhadap cabaran kini dan mendatang yang menuntut kepada suatu nilai tambah "added value" terhadap pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi. Kursus-kursus sokongan ini penting dalam melengkapkan pelajar supaya bersedia menghadapi kerjaya mencabar sebagai seorang jurutera. Kemahiran utama yang dipolejari harus disokong oleh kursus kursus sampingan supaya seimbang seterusnya merupakan faktor penentu terhadap kecekapan produktiviti dan kejayaan seseorang.